

BAHAGIAN B
TINDAKAN 1 : TINDAKAN PERMOHONAN PENDAFTARAN

TATACARA TINDAKAN PERMOHONAN PENDAFTARAN

1. Panduan pengisian borang permohonan koperasi secara atas talian adalah seperti di Jadual.
2. Surat Kebenaran Pendaftaran akan diberikan dalam **masa tiga (3) hari bekerja** dan pemohon boleh menyemak dan mencetak surat tersebut secara atas talian.
3. Suruhanjaya akan mengemukakan **Kit Pendaftaran Koperasi** kepada pemohon sebagai rujukan bagi sesuatu permohonan pendaftaran koperasi yang mengandungi:
 - (i) GP12: Garis Panduan Berkennaan Dengan Pendaftaran Koperasi;
 - I. Lampiran A : Contoh Minit Mesyuarat Agung Permulaan
 - Senarai Kehadiran Orang Yang Layak Menjadi Anggota
 - Contoh Belanjawan Tahunan
 - II. Lampiran B : Butiran Undang-undang Kecil
 - III. Lampiran C : Permohonan Bagi Pendaftaran Koperasi di bawah Jadual Pertama
 - IV. Lampiran D : Helaian Terakhir Undang-undang Kecil
 - V. Lampiran E : Borang Fi Pendaftaran
 - (ii) Brosur Hak Dan Tanggungjawab Anggota Lembaga Koperasi;
 - (iii) Brosur Hak Dan Tanggungjawab Anggota; dan
 - (iv) Format Undang-undang Kecil Seragam.

4. Tempoh sah surat kebenaran pendaftaran adalah **tiga puluh hari sahaja** dan pemohon perlu mengadakan mesyuarat agung permulaan **dalam tempoh tersebut**.
5. Suruhanjaya **boleh membenarkan pelanjutan tempoh kebenaran pendaftaran** jika, terdapat permohonan lanjutan daripada pihak pemohon.
6. Pemohon hendaklah menetapkan tarikh mesyuarat agung permulaan dan menghantar **notis mesyuarat dalam tempoh yang munasabah** kepada bakal anggota yang layak.
7. Pemohon hendaklah mengemukakan borang permohonan pendaftaran koperasi dan dokumen- dokumen yang berkaitan kepada Suruhanjaya dalam tempoh tidak lewat daripada **dua minggu (14 hari)** dari tarikh **mesyuarat agung permulaan**.